

Fahami info Kata Ganda Separa di bawah.



Info Bahasa

Kata ganda separa ialah kata yang menggandakan sebahagian sahaja kata dasar. Kata dasar terdiri daripada kata tunggal atau kata berimbuhan.

Kata ganda separa tunggal: bola - bebola

Kata ganda separa berimbuhan awalan: setinggi-tinggi

Kata ganda separa berimbuhan akhiran: sayur-sayuran

Kata ganda separa berimbuhan apitan: bersalam-salaman

Isi tempat kosong dalam ayat di bawah ini dengan kata ganda separa yang sesuai.

jejentik pepijat lelabu
sesiku kekabu lelabah

1. _____ itu berisi air.
2. Anak nyamuk yang hidup di dalam air dikenali sebagai _____.
3. Di tilam itu terdapat beberapa ekor _____.
4. Tukang kayu itu menggunakan _____ untuk mengukur sudut tepat.
5. Mak Limah mengisi sarung bantal itu dengan _____.
6. _____ membuat sarang di dalam rumah kosong itu.